

Mohd Fauzi ejen kutip zakat IPTA tertinggi

SSHAH ALAM: Prof Dr Mohd Fauzi Ramlan dari Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul penerima Anugerah Prestasi Pertambahan Pembayar Tertinggi bagi ejen institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada Majlis Anugerah Ejen Kutipan Zakat bagi 2009.

Prof Madya Dr Rahimi Osman dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) pula menerima anugerah Prestasi Kutipan Tunai dan Skim Potongan Gaji (SPG) Tertinggi Ejen IPTA.

Anugerah Khas Anugerah Kreatif Ejen IPTA 2009 dimenangi Syed Ismail Syed Noh Alhabshi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sementara Anugerah Khas Anugerah Penolong Amil Aktif Ejen IPTA 2009 menjadi milik Mohd Abd Rashid Mohd Fadzil.

Lapan anugerah lain turut diberikan kepada ejen yang berjaya mencapai kutipan tertinggi, jumlah pembayar tertinggi dan prestasi peningkatan kutipan tertinggi bagi kategori firma audit dan ejen pos serta bank.

Semua anugerah disampaikan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor (LZS), Mohamed Izam Mohamed Yusof pada majlis ringkas di sini, baru-baru ini.

Majlis yang disertai 70 wakil ejen itu diadakan sebagai menghargai peranan ejen kutipan zakat dalam memudahkan urusan pembayaran zakat di Selangor selain merapatkan hubungan di antara LZS dan ejen.

Mohamed Izam berkata, sebanyak RM22.6 juta zakat dikutip melalui ejen yang dilantik tahun lalu.

Katanya, ejen kutipan

FAKTA NOMBOR

70

wakil

Ejen kutipan zakat menyertai majlis Anugerah Ejen Kutipan Zakat

zakat yang dilantik LZS sejak 1997 terdiri daripada 15 bank utama, Pos Malaysia, 28 ejen cukai serta sembilan firma audit dan empat IPTA iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), UPM, UIAM dan UiTM.

Turut dilantik ialah Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Selangor (DPMMS), Angkatan Kooperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Celcom, As-Salihin Trustee dan Mobility One, syarikat yang menyediakan kemudahan bayaran zakat di stesen Petronas.

Pelbagai kemudahan disediakan melalui ejen kutipan zakat itu, antaranya pembayaran zakat melalui perbankan internet, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas (SMS), kaunter bank serta pos, mesin pengeluaran wang segera (ATM), kad kredit dan kad debit.